

**BAHASA
MELAYU**

BAHASA MELAYU STANDARD

TINGKATAN 4

KEPIMPINAN MELALUI TELADAN

KBM



MAKLUMAT UMUM

1. Kertas 2, soalan 4, Bahagian A. [menukar bahasa klasik → bahasa standard]
2. Jumlah markah tidak tetap [bergantung kepada soalan].
3. Bentuk soalan :
Baca petikan Bahasa Melayu Klasik di bawah dengan teliti. Kemudian tulis semula petikan tersebut dalam Bahasa Melayu Standard tanpa mengubah bentuk dan maksud asalnya.
4. Diambil daripada :
 - i. Antologi Jaket Kulit Kijang dari Istanbul Tingkatan 4
: **Kepimpinan Melalui Teladan**
 - ii. Antologi Sejadah Rindu Tingkatan 5
: **Burung Terbang Dipipiskan Lada**
5. Calon tidak perlu mengubah bentuk dan maksud asal petikan atau bahan teks.



TIP MENJAWAB BAHASA MELAYU STANDARD

TIP 1

Baca keseluruhan dan faham cerita dalam teks.

Langkah :

1. **Baca** dengan teliti keseluruhan petikan dan **fahami** cerita dalam ayat-ayat yang dibaca.
2. Fahami cerita.
3. **Tulis semula** jawapan dalam bahasa Melayu moden / standard.



TIP MENJAWAB BAHASA MELAYU STANDARD

TIP 3

Kenal pasti istilah, kata pangkal ayat, partikel dan bahasa klasik.

Langkah :

1. Kata **pangkal ayat** [hatta, arakian, syahadan dan kalakian] → **GUGURKAN** [tidak digunakan dalam bahasa Melayu moden]
2. Partikel **-pun** dan **-lah** → **GUGURKAN** atau **DISESUAIKAN** [masih digunakan sekarang]



TIP MENJAWAB BAHASA MELAYU STANDARD

TIP 4

Kenal pasti istilah atau perkataan-perkataan yang mesti diubah atau disesuaikan.

Langkah :

1. **Istilah** atau perkataan dalam bahasa klasik yang sudah **tidak digunakan** dalam bahasa Melayu moden mesti **DIUBAH** / **DISESUAIKAN** / **DITAMBAH** dalam ayat supaya menjadi lebih gramatis.



TIP MENJAWAB BAHASA MELAYU STANDARD

TIP 5

Kenal pasti bahasa istana, nama watak, kata ganti nama dan perkataan-perkataan yang masih digunakan.

Langkah :

1. Kosa kata daripada **bahasa istana** [mencemar duli, gering, santap, mangkat, bersiram dan sebagainya]
→ **DIKEKALKAN**
2. **Kata ganti nama** dan kata **nama khas** [baginda, bonda, ayahanda, Sultan Muzaffar Shah dan lain-lain]
→ **DIKEKALKAN**



TIP MENJAWAB BAHASA MELAYU STANDARD



TIP 6

Struktur ayat.

Langkah :

1. Struktur ayat Bahasa Klasik bersusunan songsang

Contoh :

Bahasa klasik : Maka berangkatlah baginda ke istana untuk beradu.

Bahasa moden : Baginda berangkat ke istana untuk beradu.

** baginda / berangkat / istana / beradu → **DIKEKALKAN**

** Partikel-lah dan maka → **DIGUGURKAN**

TIP MENJAWAB BAHASA MELAYU STANDARD



TIP 6

Struktur ayat.

Langkah :

2. Struktur ayat yang panjang dan berbelit-belit.

Contoh :

Bahasa klasik :

“Maka Sultan Melaka pun hairan melihat paras puteri Cina itu, disuruhnya masuk Islam, telah sudah maka baginda pun berkahwinlah dengan puteri itu, beranak Paduka Seri Cina, ayah kepada Paduka Isap,”

Bahasa moden :

“Sultan Melaka takjub apabila melihat kecantikan Tuan Puteri Cina itu. Lalu baginda menitahkan supaya Tuan Puteri itu memeluk agama Islam. Kemudian, baginda berkahwin dengan puteri itu dan mendapat seorang putera bernama Paduka Seri Cina yang menjadi ayah kepada Paduka Isap.”

TIP MENJAWAB BAHASA MELAYU STANDARD



TIP 7

Bentuk penulisan dalam petikan mesti dikekalkan

Langkah :

1. **Bentuk penulisan** dalam petikan → **DIKEKALKAN**

Contoh :

Bahasa klasik :

Setelah hari **pun** siang **maka** orang kaya-kaya **itu pun** datang **menghadap** raja mengadukan **halnya** kecurian semalam **itu**.

Maka baginda pun hairan serta **bertitah** pada **Temenggung**, “Hai Temenggung tiadakah menyuruhkan orangnya berkawal tadi?”

Bahasa moden :

Setelah hari siang, **orang-orang kaya** datang **menghadap** raja mengadu mengenai kecurian semalam.

Baginda hairan dan **bertitah** kepada **temenggung**, “Wahai Temenggung, adakah kamu / tuan hamba tidak menyuruh orang berkawal tadi?”

****Bentuk penulisan perenggan dan bentuk cakap ajuk dan cakap pindah → DIKEKALKAN**



TIP 8

Kekalkan maksud ayat dalam petikan

Langkah :

1. **Maksud asal ayat** dalam petikan sama seperti petikan asal bahasa Melayu klasik

Contoh :

Bahasa klasik :

Setelah hari pun siang maka orang kaya-kaya itu pun datang menghadap raja mengadukan halnya kecurian semalam itu.

Maka baginda pun hairan serta bertitah pada Temenggung, “Hai Temenggung tiadakah menyuruhkan orangnya berkawal tadi?”

Bahasa moden :

Setelah hari siang, orang-orang kaya datang menghadap raja mengadu mengenai kecurian semalam.

Baginda hairan dan bertitah kepada temenggung, “Wahai Temenggung, adakah kamu / tuan hamba tidak menyuruh orang berkawal tadi?”

****jika jawapan dalam bahasa standard berubah daripada maksud asal → Mempengaruhi pembahagian markah.**

MAKSUD BAHASA KLASIK → BAHASA STANDARD

Penjurit → pejuang / askar upahan / penjarah

Kepetangan → pandai membuat helah / tipu muslihat / cerdik / licik

Endah → mempunyai minat terhadap sesuatu

Tanpa kedep tembung laku → tingkah laku yang kurang ajar

Manira → saya / aku

Kula → patik

Bahana → bunyi bising yang tidak keruan / riuh rendah

Pakanira → tuan / engkau / awak

MAKSUD BAHASA KLASIK → BAHASA STANDARD

Radak-meradak → tusuk-menusuk / tombak-menombak

Karar → tenang / tenteram

Memaku mong-mongan → memukul canang atau gong kecil

Gemeretak → bunyi seperti hujan menimpa atap

Dijadikan penggawa agung → dilantik sebagai ketua kampung

**Rebah terjerumus lalu mati → jatuh tersungkur kemudian
meninggal dunia**

**Penjurit besar lagi kepetangan → askar upahan yang handal dan
cerdik**

MAKSUD BAHASA KLASIK → BAHASA STANDARD

Cuba bermain dengan penjurit itu → menguji kepandaian penjurit tersebut

Dukacitalah sekalian empunya → semua pemilik harta berasa sedih

Teririk → terpijak



MAKSUD KATA PANGKAL AYAT

Alkisah → menurut cerita

Arakian → selepas itu / selanjutnya

Hatta → lalu / maka / kemudian

Kendatipun → walaupun / meskipun / biarpun

Sebermula → permulaan sesuatu kisah

Maka → seterusnya

Syahadan → selanjutnya / lalu

Kalakian → ketika itu

SINOPSIS UMUM

ANTOLOGI JAKET KULIT KIJANG DARI ISTANBUL TINGKATAN 4



PROSA TRADISIONAL KEPIMPINAN MELALUI TELADAN [MUKA SURAT 27 – 39]



Kisah bermula apabila Seri Betara Majapahit berbincang dengan Patih Gajah Mada untuk menewaskan Melaka setelah kematian penjurit tujuh bersaudara. Ketujuh-tujuh penjurit dibunuh oleh Laksamana di Bukit Cina. Justeru, Patih Gajah Mada merancang untuk mengarahkan Kertala Sari membunuh Sultan Melaka dan Laksamananya. Kertala Sari bersetuju dengan permintaan Patih Gajah Mada kerana ingin membalas dendam atas kematian ayahnya yang dibunuh oleh Laksamana Melaka.

Patih Gajah Mada membawa Kertala Sari mengadap Seri Betara dan menerangkan bahawa Kertala Sari merupakan penjurit yang sangat handal. Kehebatan Kertala Sari mengalahkan negeri Daha seorang diri menyebabkan Seri Betara menitahkan Kertala Sari segera ke Melaka untuk membunuh Sultan Melaka dan Laksamana Melaka dan menjanjikan jawatan penggawa agung kepadanya.

Ketika berada di Melaka, Kertala Sari menyamar sebagai pengikut Patih Kerma Wijaya. Di Melaka, Kertala Sari mencuri harta saudagar-saudagar dan orang kaya-kaya serta mencabuli isteri-isteri mereka. Keadaan ini menimbulkan kerisauan kepada Sultan Melaka dan menitahkan agar Temenggung serta orangnya menjaga keselamatan dan mengawal





keadaan negeri Melaka dari kejadian kecurian. Namun, kecurian masih tetap berlaku sehingga melibatkan rumah Bendahara. Hal ini kerana Kertala Sari menggunakan ilmu kesaktian untuk mengelakkan diri daripada ditangkap. Melihat pada keadaan tersebut, Laksamana menawarkan diri kepada sultan untuk mengawal istana kerana mengikut firasatnya, penjurit akan masuk ke istana pula.

Dengan kebijaksanaan dan kecekapan serta ilmu yang dimiliki oleh Laksamana, dia berjaya menggagalkan rancangan Kertala Sari untuk mencuri harta raja, membakar dan mengamuk serta mengambil isteri-isteri sultan. Kertala Sari berjaya dibunuh oleh Laksamana di tengah pasar, manakala kemaluan Kertala Sari dipotong sebagai bukti Laksamana membunuhnya. Mayat Kertala Sari telah dikerat-kerat anggota badannya oleh penduduk yang menjumpai mayat tersebut untuk dibuktikan kepada sultan bahawa merekalah yang telah membunuh Kertala Sari. Baginda Sultan telah memberi anugerah kepada Laksamana atas kejayaan membunuh Kertala Sari.

Segala hasil curian yang telah disimpan oleh Kertala Sari di Bukit Cina berjaya ditemui dan Sultan telah mengarahkan semua empunya barang untuk menuntut barang-barang tersebut. Baginda Sultan telah meminta supaya empunya barang-barang tersebut



memberikan dua pertiga bahagian daripada barang-barang tersebut kepada Laksamana. Namun, Laksamana hanya bersetuju untuk mengambil satu bahagian sahaja dan barang-barang tersebut kesemuanya telah diagihkan oleh Laksamana kepada fakir miskin dan orang-orang bawahannya tanpa mengambil sedikitpun dari harta tersebut.

Akhirnya berita kematian Kertala Sari yang dibunuh oleh Laksamana telah sampai ke pengetahuan Patih Gajah Mada di Majapahit. Patih Gajah Mada tidak berputus asa, sebaliknya terus mencari orang yang dapat membunuh Sultan dan Laksamana Melaka.



BAHASA KLASIK → BAHASA MELAYU STANDARD

**ANTOLOGI
JAKET KULIT KIJANG DARI ISTANBUL
TINGKATAN 4**



**PROSA TRADISIONAL
KEPIMPINAN MELALUI TELADAN
[MUKA SURAT 27 – 39]**

KBM

Diterjemahkan mengikut susunan teks Kepimpinan Melalui Teladan [m/s 27 – 39]

- 1. Alkisah maka tersebutlah perkataan Seri Betara Majapahit dan Patih Gajah Mada dan peri mengatakan penjurit ketujuh bercakap kepada Seri Betara dan Patih Gajah Mada hendak mengalahkan negeri Melaka itu dengan seorang dirinya, peri mengatakan tatkala Laksamana membunuh penjurit tujuh bersaudara di Bukit Cina itu.
[m/s 27]**

→ Tersebutlah kisah tentang Sei Betara Majapahit dan Patih Gajah Mada serta tukang cerita yang mengatakan bahawa ketujuh-tujuh askar upahan memberitahu Seri Betara dan Patih Gajah Mada bahawa mereka hendak mengalahkan negeri Melaka itu dengan sendirinya. Tukang Cerita mengatakan sedemikian semasa Laksamana membunuh tujuh orang askar upahan bersaudara di Bukit Cina tersebut.



2. Berapa lamanya didengar oleh Patih Gajah Mada penjurit yang tujuh bersaudara yang dititahkan Seri Betara pergi ke Melaka itu sudah mati. [m/s 27]

→ Tidak beberapa lama kemudian patih Gajah Mada mendapat berita bahawa askar upahan tujuh bersaudara yang telah dititahkan oleh Seri Betara ke Melaka itu sudah meninggal dunia.

3. Maka Patih pun hairan. [m/s 27]

→ Lalu Patih berasa hairan.

4. Maka Patih Gajah Mada pun fikir dalam hatinya. [m/s 27]

→ Kemudian Patih Gajah Mada berfikir.

5. “Adapun negeri Melaka itu sukar binasa maka puas hatiku. [m/s 27]

→ “Sekiranya negeri Melaka yang sukar dikalahkan itu binasa maka barulah puas hatiku.



6. Adapun seperti khabar penjurit tujuh bersaudara yang di Bukit Cina itu, jika tiada ia mati, nescaya alahlah Melaka itu,”. [m/s 27]

→ **Sesungguhnya berita tentang askar upahan tujuh bersaudara yang berada di Bukit Cina itu, jika mereka tidak meninggal dunia, sudah pasti kalahlah Melaka itu,”**

7. Setelah sudah ia fikir, maka Patih Gajah Mada pun ingat akan Petala Bumi itu. [m/s 27]

→ **Setelah dia berfikir, maka Patih Gajah Mada pun teringat akan Petala Bumi.**

8. Maka Patih Gajah Mada pun segera menyuruh kepada bini Petala Bumi bertanyakan anaknya yang bernama Kertala Sari pergi mencuri ke Daha itu, sudahkah datang dari Daha atau belumkah. [m/s 27]

→ **Kemudian Patih Gajah Mada pun segera menyuruh orang berjumpa dengan isteri Petala Bumi untuk bertanyakan sama ada anaknya yang bernama Kertala Sari yang pergi mencuri di Daha itu, sudah pulang dari Daha atau belum.**



9. Maka orang Patih Gajah Mada pun pergilah kepada bininya Petala Bumi.
[m/s 27]

→ Lalu orang suruhan Patih Gajah Mada pergi berjumpa dengan isteri Petala Bumi.

10. Tatkala itu, Kertala Sari sudah datang dari Daha, terlalu banyak beroleh harta daripada emas dan perak dan pakaian dan pitis berpuluh-puluh juta dan orang banyak dicurinya. [m/s 28]

→ Pada masa itu, Kertala Sari yang datang dari Daha, telah mencuri harta yang berupa emas, perak, pakaian dan wang berpuluh-puluh juta daripada orang ramai.

11. Setelah sudah Kertala Sari datang ke rumahnya, maka ia pun bertanya kepada ibunya, “Hai ibuku, ke mana pergi bapaku, maka tiada aku lihat ini?” [m/s 28]

→ Setelah Kertala Sari pulang ke rumahnya, maka dia pun bertanya kepada ibunya, “Wahai ibuku, di manakah bapa pergi kerana aku tidak melihatnya?”



12. Setelah sudah ibunya mendengar kata anaknya demikian itu, maka ibunya menangis, seraya berkata, “Hai anakku, yang bapamu itu sudah mati dibunuh oleh seorang Melayu bernama Laksamana Hulubalang Ratu Melaka. [m/s 28]

→ Setelah ibunya mendengar kata-kata anaknya itu, ibunya terus menangis, sambil berkata, “Wahai anakku, bapamu telah mati kerana dibunuh oleh orang Melayu yang bernama Laksamana Hulubalang Ratu Melaka.”

13. Setelah Kertala Sari mendengar kata ibunya demikian itu, maka Kertala Sari pun terlalu marah, katanya, “Siapa menyuruh membunuh bapaku itu supaya negeri Majapahit ini habis kubinasakan?” [m/s 28]

→ Selepas Kertala Sari mendengar kata-kata ibunya, dia terus berasa marah dan berkata, “Siapakah yang menyuruh membunuh bapaku agar aku dapat membinasakan negeri Majapahit ini sehingga musnah?”



14. Maka oleh ibunya segala hal-ehwal dari mulanya datang kesudahnya diceritakannya pada anaknya. [m/s 28]

→ **Lalu ibunya menceritakan semua perkara itu dari mula hingga akhir kepada anaknya.**

15. Setelah Kertala Sari mendengar ceritera ibunya demikian itu, maka Kertala Sari pun terlalu sangat amarahnya, “Ceh, Ratu Melaka dan Laksamana! Mati engkau olehku! Tanpa kedep tembung laku. [m/s 28]

→ **Setelah Kertala Sari mendengar cerita ibunya itu, lalu Kertala Sari sangat marah, “Cis, Ratu Melaka dan Laksamana! Mati engkau olehku! Tanpa mengendahkan orang lain.**

16. Syahdan negeri Melaka pun habis kubinasakan. [m/s 28]

→ **Seterusnya, negeri Malaka itu habis aku binasakan.**



17. Jikalau tiada kuperbuat demikian, bukanlah aku anak penjurit yang berani dan kepetangan.” [m/s 28]

→ Jikalau aku tidak berbuat demikian, aku bukanlah anak pejuang yang berani dan cerdik.



18. Setelah sudah Kertala Sari berkata-kata demikian itu, maka orang penyuruh daripada Patih Gajah Mada itupun datanglah. [m/s 28]

→ Sebaik sahaja Kertala Sari berkata-kata sedemikian, lalu orang suruhan Patih Gajah Mada itu pun datang.

19. Maka dilihatnya Kertala Sari sedang berkata-kata dengan ibunya seperti laku orang berkelahi. [m/s 28]

→ Kemudian, dilihatnya Kertala Sari sedang bercakap dengan ibunya seperti orang sedang bertengkar.

20. Setelah dilihatnya oleh Kertala Sari orang datang itu, maka kata Kertala Sari kepada orang itu. [m/s 28]

→ Setelah dilihat oleh Kertala Sari orang yang datang itu, lalu Kertala Sari bertanya kepada orang itu.

21. “Siapa tuan hamba ini?” [m/s 28]

→ “Siapakah tuan hamba ini?”



22. Maka kata orang itu, “Manira ini disuruhkan oleh patih Gajah Mada melihat pakanira, sudahkan datang dari Daha atau belumkah, kerana Patih Gajah Mada hendak bertemu dengan manira. [m/s 28]

→ Kemudian orang itu berkata, “Saya disuruh oleh Patih Gajah Mada untuk melihat kamu sama ada sudah balik dari Daha atau belum kerana Patih Gajah Mada hendak bertemu dengan kamu,”

23. Maka Kertala Sari segera mengambil kerisnya berjalan diiringkan oleh orang itu. [m/s 28]

→ Kemudian, Kertala Sari segera mengambil kerisnya lalu berjalan diiringan oleh orang itu.

24. Setelah datang kepada Patih Gajah Mada, Kertala Sari pun duduk menyembah. [m/s 29]

→ Selepas menemui Patih Gajah Mada, Kertala Sari duduk setelah memberikan salam hormat kepada Patih Gajah Mada.



25. Maka kata Patih Gajah Mada, “Hai anakku Kertala Sari, sebab aku meyuruh memanggil anakku ini kerana pesan bapamu kepada aku. [m/s 29]

→ Patih Gajah Mada berkata, “Wahai anakku Kertala Sari, aku memanggil kamu kerana bapamu telah berpesan kepada aku.

26. “Jangan tiada dikasihi anakku ini,” kerana bapamu sudahlah mati dengan pekerjaan Seri Betara. [m/s 29]

→ “Janganlah lupa untuk menjaga dan mengasihi anakku ini,” ini kerana bapamu telah terkorban semasa melaksanakan tugas yang diberikan oleh Seri Betara.

27. Akan sekarang anakku hendak dijadikan penggawa agung.” [m/s 29]

→ Oleh sebab itu, kamu akan dilantik sebagai pegawai tinggi.”



28. Setelah Kertala Sari mendengar kata Patih Gajah Mada itu, maka Kertala Sari pun terlalu suka hatinya, seraya menyembah kaki Patih Gajah Mada. [m/s 29]

→ Setelah Kertala Sari mendengar kata Patih Gajah Mada itu, lalu Kertala Sari sangat gembira lalu menyembah kaki Patih Gajah Mada.

29. Maka sembah Kertala Sari, “Endah apatah pekerjaan membunuh Ratu Melaka dan Laksama itu? [m/s 29]

→ Setelah menyembah, Kertala Sari berkata, “Peduli apakah tugas membunuh Ratu Melaka dan Laksamana itu?”



30. Pada hati manira, jika negerinya pun dapat manira alahkan dengan seorang kula juga, syahdan segala anak bininya orang Melaka itu pun dapat manira ambil. [m/s 29]

→ Pada hati saja, jika negerinya pun dapat saya kalahkan seorang diri juga lalu semua anak dan isteri orang Melaka itu pun dapat saya rampas.

31. Adapun jika belum manira bunuh Ratu Melaka dan Laksamana itu belum mati, tiada mahu manira jadi penggawa. [m/s 29]

→ Sekiranya saya belum bunuh Raja Melaka dan Laksamana belum mati, maka saya tidak mahu menjadi penggawa.

32. Setelah Patih Gajah Mada mendengar demikian itu maka ia pun terlalu sukacita, seraya diperjamunya makan minum dan bersuka-sukaan dan diberinya persalin. [m/s 29]

→ Setelah Patih Gajah Mada mendengar kata-kata tersebut, maka dia pun sungguh gembira, lalu dijamunya dengan makanan dan minuman, bergembira serta diberinya sepersalinan pakaian.

33. Setelah sudah maka Kertala Sari pun dibawanya masuk menghadap Seri Betara. [m/s 29]

→ Setelah selesai, lalu Kertala Sari dibawa masuk menghadap Seri Betara.

34. Maka sembah Patih Gajah Mada, “Adapun penjurit tujuh orang yang ditidahkan oleh paduka Bentara pergi ke Melaka itu khabarnya sudah mati dibunuh oleh Laksamana ketujuhnya. [m/s 29]

→ Sembah Patih Gajah Mada. “Ketujuh-tujuh orang askar upahan yang dititahkan oleh paduka Betara pergi ke Melaka itu khabarnya sudah mati dibunuh oleh Laksamana semuanya.

35. Sebermula negeri Melaka pun sedikit alah olehnya. [m/s 29]
→ Pada mulanya, negeri Melaka itu hampir dikalahkan oleh mereka.

36. Akan sekarang baharulah patik beroleh penjurit terlalu kepetangan ; inilah penjuritnya. [m/s 29]
→ Sekarang patik mendapat seorang pahlawan yang sangat hebat ; inilah perajuritnya.

37. Kertala Sari namanya, anak Petala Bumi yang dipesan oleh bapanya kepada patik.” [m/s 29]
→ Namanya Kertala Sari, iaitu anak Petala Bumi yang diserahkan kepada patik oleh bapanya,”



38. Setelah Seri Betara mendengar sembah Patih Gajah Mada demikian itu, maka titah Seri Betara, “Hai Kertala Sari, dapatkah engkau kutitahkan membunuh Ratu Melaka dan hulubalangnyanya yang bernama Laksamana itu?” [m/s 29]

→ Setelah Seri Betara mendengar sembah Patih Gajah Mada sedemikian, lalu titah Seri Betara, “Wahai Kertala Sari, dapatkah engkau kutitahkan untuk membunuh Ratu Melaka dan hulubalang yang bernama Laksamana itu?”

39. Maka sembah Kertala Sari, “Daulat tuanku andika Betara, endah apatah pekerjaan membunuh Raja Melaka dan Laksamana itu, sedang negeri Daha patik alahkan? [m/s 30]

→ Sembah Kertala Sari, “Daulat tuanku andika Betara, peduli apakah pekerjaan membunuh ratu Melaka dan Laksamana itu, sedangkan negeri Daha mampu patik kalahkan?”



40. Setelah Seri Betara mendengar cakap Kertala Sari itu, maka titah Seri Betara, “Segeralah engkau pergi ke Melaka itu. Kerajaan seperti cakapmu itu supaya kujadikan penggawa agung.” [m/s 30]

→ Setelah Seri Betara mendengar kata-kata Kertala Sari itu, lalu Seri Betara bertitah, “Segeralah engkau pergi ke Melaka. Lakukan seperti engkau beritahu tadi supaya engkau kulantik sebagai penghulu.”

41. Maka sembah Kertala Sari, “Jikalau tuanku hendak menitahkan patik aji, baiklah segera patih suruh hantarkan ke Melaka dengan sebuah perahu supaya patik segera kerjakan seperti titah paduka Betara itu,” [m/s 30]

→ Sembah Kertala Sari, “Sekiranya tuanku hendak menitahkan patik aji, baiklah segera patik dihantar ke Melaka beserta sebuah perahu agar patik dapat segera melaksanakan tugas seperti titah paduka Betara,”



42. Maka titah Seri Betara, “Hai Patih Gajah Mada, segeralah suruh hantar ke Melaka,” [m/s 30]

→ **Lalu titah Seri Betara, “Wahai Patih Gajah Mada, segeralah hantar ke Melaka.**

43. Maka Patih Gajah pun berlengkap sebuah perahu dengan sepuluh orang sertanya yang pergi. [m/s 30]

→ **Patih Gajah Mada menyediakan sebuah perahu dengan sepuluh orang yang pergi bersama-samanya.**

44. Setelah sudah lengkap maka Kertala Sari pun belayarlah. [m/s 30]

→ **Setelah semuanya lengkap, lalu Kertala Sari belayarlah.**

45. Berapa lamanya maka Kertala Sari pun sampailah ke Melaka. [m/s 30]

→ **Tidak berama lama kemudian, maka Kertala Sari sampai di Melaka.**



46. Maka ia pun singgah di luar kota pada kampung segala Jawa.

[m/s 30]

→ **Lalu dia singgah di luar bandar masyarakat Jawa.**



47. Maka Kertala Sari pun menyamar dirinya kepada segala Jawa yang banyak itu. [m/s 30]

→ **Kertala Sari menyamar diri sebagai sebahagian daripada masyarakat Jawa.**

48. Maka Kertala Sari pun sedia kala berjalan keluar masuk bermain-main segenap kampung orang kaya-kaya dan saudagar. [m/s 30]

→ **Kertala Sari bergaul dengan orang kaya-kaya dan saudagar.**

49. Setelah diketahuinya, maka Kertala Sari pun masuk menyamar pada orang Patih Kerma Wijaya. [m/s 30]

→ **Setelah mendapat tahu, lalu Kertala Sari menyamar sebagai orang Patih Kerma Wijaya.**

50. Tatkala itu, Kertala Sari pun masuk seorangnya mengikut Patih Karma Wijaya pergi menghadap sama dengan Jawa yang banyak itu. [m/s 30]

→ Pada ketika itu, Kertala Sari pun masuk mengikut Patih Karma Wijaya pergi untuk menghadap bersama-sama dengan orang Jawa yang banyak itu.



51. Maka oleh Kertala Sari segala hulubalang yang menghadap sama-sama itu dilihatnya seorang kepada seorang. [m/s 30]

→ Semua hulubalang yang menghadap bersama-sama itu dilihat oleh Kertala Sari seorang demi seorang.



53. “Dialah gerangan hulubalang Ratu Melaka yang bernama Laksamana itu. [m/s 30]

→ “Dialah hulubalang Ratu Melaka yang bernama Laksamana.

54. Jikalau demikian lakunya, sungguhlah ia dapat membunuh bapaku, kerana ia penjurit besar lagi kepetangan. [m/s 30]

→ Jikalau demikian tingkah lakunya, pastilah dia dapat membunuh bapaku kerana dia pejuang hebat lagi cerdik.



55. Setelah sudah ia berfikir demikian, maka Kertala Sari pun dilihat pula perihal penghadapan dan tempat orang bertunggu raja itu. [m/s 31]

→ Setelah selesai dia berfikir sedemikian, lalu Kertala Sari melihat kejadian di penghadapan dan tempat orang menunggu raja itu.

56. Setelah dilihatnya ratalah, maka Kertala Sari pun kembali pada tempatnya singgah itu, maka ia pun berjalanlah mencari tempat akan menaruh harta. [m/s 30]

→ Setelah melihat di serata tempat itu, lalu Kertala Sari pun kembali ke tempat persinggahannya itu, kemudian dia berjalan mencari tempat untuk menyembunyikan harta.

57. Maka dilihatnya oleh Kertala Sari ada sebuah bukit di luar kota itu. [m/s 31]

→ Kemudian Kertala Sari terlihat sebuah bukit yang terletak di luar kota itu..

58. Maka ia pun segera pergi ke atas bukit itu. [m/s 31]

→ Dia pun pergi ke puncak bukit itu.



59. Maka dilihatnya tempat itu terlalu baik menaruh harta. [m/s 30]

→ Lalu dilihatnya tempat itu sangat sesuai untuk menyembunyikan harta.

60. Maka ia pun berjalanlah turun dari Bukit Cina itu. [m/s 31]

→ Lalu dia berjalan turun dari Bukit Cina itu.

61. Beberapa lamanya hatta hari pun malamlah. [m/s 31]

→ Tidak berapa lama kemudian, maka hari pun malam.



62. Maka Kertala Sari pun bersikap dirinya ; maka lalu berjalan masuk ke dalam kota. [m/s 31]

→ Lalu Kertala Sari menjadi dirinya yang sebenar ; lalu dia berjalan masuk ke dalam kota.

63. Maka ia masuk ke rumah seorang saudagar yang kaya. [m/s 30]

→ seterusnya, dia masuk ke rumah seorang saudagar yang kaya

64. Maka dilihat oleh Kertala Sari saudagar itu lagi makan nasi laki isteri. [m/s 31]

→ Lalu dilihat oleh Kertala Sari saudagar itu sedang makan nasi bersama-sama dengan isterinya.

65. Maka Kertala Sari pun masuk makan bersama-sama dengan saudagar itu. [m/s 31]

→ **Kertala Sari masuk lalu makan bersama-sama saudagar itu.**

66. Hatta setelah jauh malam, maka saudagar itu pun masuk tidur. [m/s 30]

→ **Setelah jauh malam, saudagar itu tidur.**

67. Maka oleh Kertala Sari dicurinya segala harta saudagar itu sekuasa-kuasa ia membawa dan bini saudagar itu pun dicabulnya. [m/s 31]

→ **Lalu dicuri oleh Kertala Sari semua harta saudagar itu sebanyak-banyak yang mampu dibawanya dan isteri saudagar dicabulnya.**



68. Maka ia pun Kembali pada tempatnya singgah itu. [m/s 31]

→ **Kemudian dia kembali ke tempat tinggalnya itu.**

69. Maka hari pun sianglah. [m/s 31]

→ Apabila hari siang.

70. Maka saudagar itu pun gemparlah menyatakan dirinya kecurian.
[m/s 31]

→ Lalu saudagar itu pun hebohlah mengatakan bahawa dirinya kecurian.

71. Hatta maka hari pun malamlah. [m/s 31]

→ Setelah itu, maka hari pun malamlah.

72. Maka Kertala Sari pun masuk mencuri pula sebuah rumah saudagar yang lain. [m/s 31]

→ Lalu Kertala Sari pun masuk mencuri pula ke sebuah rumah saudagar yang lain.



73. Setelah sudah banyaklah ia beroleh harta, maka ia pun Kembali pada tempatnya pula. [m/s 31]

→ Setelah dia banyak memperoleh harta, lalu dia kembali ke tempatnya semula.

74. Dengan demikian habislah segala harta saudagar yang kaya-kaya itu dicurinya. [m/s 31]

→ Oleh hal yang demikian, habislah semua harta saudagar yang kaya-kaya itu dicurinya.

75. Maka segala saudagar dan orang kaya-kaya itu pun masuk menghadap raja berdatang sembah, “Ya tuanku, patik mohonkan ampun, adapun patik sekalian ini habis kecurian tinggal sehelai sepinggang.” [m/s 31]

→ Semua saudagar dan orang kaya-kaya masuk menghadap raja berdatang sembah, “Ya tuanku, patik mohon ampun, sesungguhnya patik sekalian habis kecurian tinggal sehelai sepinggang.



76. Setelah baginda mendengar sembah orang itu, maka baginda pun terkejut seraya menampar-nampar pahanya. [m/s 31]

→ Setelah baginda mendengar sembah orang itu, lalu baginda terkejut sambil manampar-nampar pahanya.

77. Maka titah baginda, “Wah, datanglah pula bala atas negeriku!. [m/s 31]

→ Lalu titah baginda, “Wah, datanglah pula musibah atas negeriku.



78. Baiknya ada Laksamana : jikalau Laksamana kuutuskan ke negeri orang, binasalah negeri ini. [m/s 32]

→ Nasib baik ada Laksamana : Jikalau Laksamana kuutuskan ke negeri orang pasti binasalah negeri ini.

79. Maka baginda pun bertitah kepada Temenggung, “Hai Temenggung, suruh orang berkawal dan segala saudagar berkawal pada kampung [m/s 32]



→ Kemudian baginda bertitah kepada Temenggung, “Wahai Temenggung, suruh orang berkawal dan semua saudagar juga berkawal di kampung masing-masing!”

80. Maka Temenggung pun menyuruhkan orangnya berkisah orang kaya-kaya dan saudagar berkawal pula kampungnya. [m/s 32]

→ Temenggung menyuruh orangnya memberitahu orang kaya-kaya dan saudagar supaya berkawal di kampung masing-masing.

81. Setelah hari malam, maka Temenggung pun menyuruh orangnya berkawal, terlalu banyak dengan lembing perisai dan segala saudagar pun masing-masing berkawal pada kampungnya. [m/s 32]

→ Setelah hari malam, Temenggung menyuruh orangnya berkawal, terlalu banyak orang membawa lembing perisai bersama-sama dan semua saudagar berkawal di kampung masing-masing.

82. Sebermula, maka Kertala Sari pun masuk ke dalam. [m/s 32]

→ Pada mulanya, Kertala Sari masuk ke dalam.

83. Maka dilihatnya oleh Kertala Sari orang berkawal terlalu banyak dengan alat senjatanya. [m/s 32]

→ Lalu dilihat oleh Kertala Sari orang berkawal terlalu banyak beserta dengan senjata masing-masing.

84. Maka Kertala Sari pun membaca pustakanya lalu berjalan di tengah orang banyak itu. [m/s 32]

→ Kemudian Kertala Sari membaca menteranya, lalu dia berjalan di tengah-tengah orang yang sedang berkawal itu.

85. Maka ia pun pergi ke rumah seorang kaya. [m/s 32]

→ Lalu dia pergi ke sebuah rumah orang kaya.



86. Maka dicurinya harta yang kemas-kemas itu lalu dibawanya kembali dan bini orang kaya-kaya itu dicabulnya. [m/s 32]

→ Kemudian dicurinya harta yang tersimpan itu lalu dibawanya pulang dan isteri orang kaya-kaya itu dicabulnya.

87. Maka ia pun Kembali ke tempatnya. [m/s 32]

→ Lalu dia pulang ke tempatnya semula.

88. Setelah hari pun siang, maka orang kaya-kaya itu pun datang menghadap raja mengadukan halnya kecurian semalam itu. [m/s 32]

→ Setelah hari siang, maka orang kaya-kaya itu datang menghadap raja untuk mengadukan bahawa mereka kecurian pada malam semalam.



89. Maka baginda pun hairan serta bertitah pada Temenggung, “Hai Temenggung tiadakah menyuruhkan orangnya berkawal tadi?” [m/s 32]

→ Baginda berasa hairan lalu bertitah kepada Temenggung, “Wahai Temenggung mengapakah tidak mengarahkan pengawal untuk berkawal pada malam tadi?”

90. Maka sembah Temenggung, “Daulat tuanku Syah Alam, patik menyuruh orang berkawal semalam tadi, seorangpun tidak bertemu. Patik hamba itu pun hairanlah akan penjurit itu.” [m/s 32]

→ Sembah Temenggung, “Daulat tuanku Syah Alam, patik menyuruh pengawal berkawal pada malam tadi, tetapi seorang pun tidak bertemu dengan perompak itu. Patik memang hairan dengan perompak itu.”

91. Maka titah baginda, “Apakah sebabnya maka dapat dicurinya oleh penjurit itu?” [m/s 32]

→ Baginda bertitah, “Bagaimanakah cara perompak itu dapat mencurinya?”



92. Maka baginda pun murka sedikit akan temenggung. [m/s 32]

→ **Lalu baginda sedikit murka akan Temenggung.**



93. Maka baginda pun menyuruh memanggil Laksamana.[m/s 32]

→ **Lalu baginda menyuruh orang memanggil Laksamana.**

94. Laksamana pun segera datang lalu duduk menyembah.[m/s 32]

→ **Laksamana segera datang lalu duduk menyembah.**

95. Maka titah baginda , “Hai kekasihku Laksamana, datanglah bala ke atas negeriku dan banyaklah orang aku kecurian : masing-masing mengadukan halnya pada kita.” [m/s 32]

→ **Titah baginda, “Wahai kekasihku Laksamana, tibalah bencana ke atas negeriku dan banyaklah orang beta yang kecurian : masing-masing mengadukan hal mereka kepada beta,”**

96. Maka sembah Laksamana, “Daulat tuanku, mohonkan ampun dan kurnia : Adapun penjurit ini bukan penjurit negeri ini, penjurit negeri lain.” [m/s 33]

→ Kemudian sembah Laksamana, “Daulat tuanku, mohonkan ampun dan kurnia : Adapun pencuri itu bukan pencuri negeri ini, pencuri negeri lain.”

97. Maka titah baginda, “Apatah sebabnya maka dapat dicurinya oleh penjurit itu?” [m/s 33]

→ Lalu titah baginda, “Apakah sebabnya maka dapat dicurinya juga oleh pencuri itu?”



98. Maka sembah Bendahara, “Daulat tuanku Syah Alam, Adapun pekerjaan berkawal itu pekerjaan Temenggung : apabila Temenggung tiada bercakap, Laksamana pula mengerjakan dia.” [m/s 33]

→ Lalu sembah Bendahara, “Daulat tuanku Syah Alam, sebenarnya tugas berkawal itu tugas Temenggung apabila Temenggung tidak bersuara, Laksamana pula melaksanakannya.”

99. Maka titah raja, “Pada malam ini Temenggung sendiri keluar berkawal.” [m/s 33]

→ Lalu titah raja, “Pada malam ini Temenggung sendiri yang keluar berkawal.”



100. Maka sembah Temenggung, “Daulat tuanku, patik sendiri masuk berkawal.” [m/s 33]

→ Sembah Temenggung, “Daulat tuanku, patik sendiri akan masuk berkawal.”

101. Maka Temenggung pun bermohon kembali ke rumahnya berkerah segala hambanya lima ratus orang dengan alat senjatanya.
[m/s 33]

→ Temenggung memohon untuk pulang ke rumahnya lalu mengerahkan semua hambanya seramai lima ratus orang dengan kelengkapan senjata mereka.

102. Setelah hari malam, maka Kertala Sari pun masuklah ke dalam kota.
[m/s 33]

→ Apabila hari malam, lalu Kertala Sari masuk ke dalam kota.

103. Maka didengarnya bunyi orang berkawal dan bunyi lembing perisai gemeretak. [m/s 33]

→ Didengarnya oleh Kertala Sari orang berkawal dan bunyi lembing serta perisai gemeretak.



104. Maka Kertala Sari pun membaca pustakanya lalu ia berjalan pada tengah orang banyak itu lalu masuk ke rumah bendahara. [m/s 33]

→ Kemudian Kertala Sari membaca menteranya lalu dia berjalan di tengah-tengah orang ramai itu lalu dia masuk ke rumah Bendahara.

105. Maka dicurinya harta yang kemas-kemas lalu dibawanya kembali.
[m/s 33]

→ Lalu dicurinya harta yang tersimpan itu lalu dibawanya pulang.

106. Setelah hari siang, maka Bendahara pun gemparlah mengatakan kecurian. [m/s 33]



→ Apabila hari siang, lalu Bendahara hebohlah mengatakan bahawa dia kecurian.

107. Maka Bendahara pun datang sembah, “Ya tuanku, patik mohonkan ampun pada malam ini patik habis kecurian, habislah harta yang kemas-kemas. [m/s 33]

→ Lalu Bendahara datang menyembah, “Ya tuanku, patik memohon ampun, pada malam semalam patik habis kecurian, habislah semua harta yang tersimpan.

108. Maka titah raja, “Hai Temenggung, tiadakah kita dititahkan Temenggung sendiri pada malam berkawal? Mengapakah pada malam ini mamak Bendahara kecurian ini?” [m/s 33]

→ Lalu raja bertitah, “Wahai Temenggung, tidakkah beta titahkan Temenggung sendiri yang berkawal pada waktu malam? Mengapakah pada malam semalam mamak Bendahara kecurian?”

**109. Maka sembah Temenggung, “Ya tuanku, patik mohonkan ampun dan kurnia : Adapun pada malam ini patik sendirinya berkawal.
[m/s 33]**

→ Lalu sembah Temenggung, “Ya tuanku, patik memohon ampun dan kurnia : sebenarnya pada malam semalam, patik sendirilah yang berkawal.



110. Pada segenap pintu dan rumah saudagar dan orang kaya-kaya patik sudah tunggui : maka seorang pun tiada bertemu dengan patik-patik itu. [m/s 33]

→ Pada segenap pintu dan rumah saudagar dan orang kaya-kaya itu telah patik jagai : namun tidak ada seorang pun yang ditemui oleh orang-orang patik.

111. Maka titah duli yang maha mulia patik junjung.” [m/s 34]

→ Lalu titah duli yang maha mulia patik junjung.”

112. Maka Laksamana pun berdatang sembah, “Ya tuanku, Adapun penjurit yang datang ini bukan barang-barang penjurit, lebih tahunya daripada patik. [m/s 34]

→ Laksamana mendatang sembah, “Ya tuanku, sebenarnya pencuri yang datang ini, bukanlah sebarang pencuri, lebih liciknya daripada patik.

113. Jika ada derma kurnia, patik hendak memohon ke bawah duli hendak cuba bermain dengan penjurit itu,” [m/s 34]

→ Jika ada derma kurnia, patik hendak memohon ke bawah duli untuk cuba menguji pencuri itu.

114. Maka titah raja, “Adapun Laksamana itu tiadalah dapat jauh daripada kita, jikalau Laksamana pergi berkawal, siapa teman kita di istana ini? [m/s 34]

→ Raja bertitah, “Sememangnya Laksamana ini tidak dapat berjauhan daripada kita, sekiranya Laksamana pergi berkawal, siapakah yang akan menemani beta di istana ini?”



115. Yang kita harap hanyalah Laksamana.” [m/s 34]

→ Yang beta harap hanyalah Laksamana,”



116. Maka Laksamana pun berdiam dirinya mendengar titah raja demikian itu. [m/s 34]

→ Lalu Laksamana mendiamkan diri semasa mendengar titah raja sedemikian itu.

117. Hatta beberapa hari maka segala orang kaya-kaya dan saudagar itu pun habis kecurian : Syahdan semuanya datang menghadap raja. [m/s 34]

→ Setelah beberapa hari, lalu semua orang kaya-kaya dan saudagar itu habis kecurian : seterusnya semua orang datang menghadap raja.

118. Maka raja pun tiada terkata-kata lagi. [m/s 34]

→ Lalu raja pun terdiam

119. Maka sembah Laksamana, “Pada firasat patik, pada malam itu datang pula penjurit itu ke istana kita ini,” [m/s 34]

→ Sembah Laksamana, “Pada ramalan patik, pada malam itu pula akan pencuri datang ke istana,”

120. Maka titah raja, “Apakah bicara kita supaya penjurit itu tiada beroleh masuk ke istana ini?” [m/s 34]

→ Lalu titah raja, “Apakah pendapat kita supaya pencuri itu tidak dapat memasuki istana ini?”



121. Maka sembah Laksamana, “Daulat tuanku, ada suatu perbuatan : hikmah itu daripada penjurit yang tahu patik peroleh. [m/s 34]

→ Kemudian sembah Laksamana, “Daulat tuanku, terdapat satu langkah : ilmu sihir itu daripada pencuri yang pakar patik peroleh.”

122. Maka titah baginda, “Segeralah perbuat, kekasihku Laksamana, hikmat itu.” [m/s 34]

→ Lalu titah baginda, “Segeralah laksanakan nya kekasihku Laksamana ilmu sihir itu.”

123. Maka sembah Laksamana, “Ya tuanku, pada malam ini lepaskanlah patik pergi berkawal, tidak jauh.” [m/s 34]

→ Sembah Laksaman, “Ya tuanku, pada malam ini benarkanlah patik pergi berkawal, tidak jauh.”



124. Maka baginda bertitah, “Baiklah.” [m/s 34]

→ Baginda bertitah, “Baiklah.”

125. Maka Laksaman pun menyuruh membawa segala senjata yang banyak-banyak itu, lembing dan tombak dan kayu. [m/s 34]

→ Laksamana menyuruh orangnya membawa semua senjata yang banyak itu, lembing, tombak dan kayu.

126. Maka diatur oleh Laksamana berkeliling istana itu. [m/s 34]

→ Kemudian diaturnya oleh Laksamana di sekeliling istana.

127. Maka dibubuhnya suatu hikmat, radak-meradak dan tetak-menetak sama sendirinya dan kayu itu pun palu-memalu, terlalu gemuruh bunyinya. [m/s 34]

→ Lalu diketaknya suatu ilmu sihir, radak-meradak dan tetak-menetak sesama sendiri serta kayu itu pun palu-memalu terlalu kuat bunyinya.



128. Maka hari pun malamlah. [m/s 34]

→ Lalu hari pun malamlah.

129. Maka Laksamana pun memakai serba hitam itu berjalan. [m/s 34]

→ Lalu Laksamana memakai pakaian serba hitam lalu berjalan.

130. Maka Kertala Sari pun masuklah. [m/s 34]

→ Kemudian Kertala Sari pun masuk.

131. Maka dilihat oleh Laksamana seorang penjurit : maka Laksamana pun berselindung pada suatu tempat. [m/s 35]

→ Lalu dilihat oleh Laksamana seorang pencuri, lalu Laksamana pun bersembunyi di suatu tempat.



132. Maka Kertala Sari pun menyimpang pada tempat yang lain masuk mencuri. [m/s 35]

→ Kertala Sari menyimpang ke tempat yang lain lalu masuk mencuri.

133. Maka Kertala Sari pun fikir dalam hatinya hendak mencuri harta raja : [m/s 35]

→ Kertala Sari pun berfikir dalam hatinya hendak mencuri harta raja.

134. Apabila habislah harta raja itu maka ia pun hendak membakar serta mengamuk. [m/s 35]

→ Apabila habis harta raja tersebut dicurinya, kemudian dia hendak membakar serta mengamuk.

135. “Adapun bini raja muda-muda itu kuambik akan biniku.” [m/s 35]

→ Seterusnya isteri raja yang muda-muda itu akan kuambil menjadi isteriku.



136. Maka ia pun sampailah ke istana. [m/s 35]

→ Lalu dia tiba di istana.

137. Didengar bunyi gemuruh, maka dihampirinya : maka dilihatnya senjata dan kayu palu-memalu, tikam-menikan dan radak-meradak. [m/s 35]

→ Didengarinya bunyi bising, lalu dihampirinya : lalu dilihatnya senjata dan kayu palu-memalu, tikam-menikam dan radak-meradak.

138. Maka Kertala Sari pun hairan, berfikir dalam hatinya, “Adapun hikmat ini bukan hikmat Melayu, hikmat penjurit Jawa yang tahu-tahu juga. [m/s 35]

→ Kertala Sari berasa hairan, dia berfikir di dalam hatinya, “Sebenarnya ilmu sihir ini bukan ilmu sihir orang Melayu, sebaliknya ilmu sihir pencuri Jawa yang mahir juga.

139. Maka diambil suatu kayu, maka disarungnya. [m/s 35]

→ Lalu diambilnya sebatang kayu, kemudian disarungnya.



140. Maka dipalu oleh kayu hikmat Laksamana itu gemuruh bunyinya.

[m/s 35]

→ Kemudian berpalu kayu hikmat Laksamana itu kuat bunyinya.

141. Maka didengar oleh orang berkawal bunyi kayu itu terlalu gemuruh.

[m/s 35]

→ Lalu didengarnya oleh orang yang berkawal bunyi kayu itu terlalu kuat.

142. Maka ia pun hendak pergi mendapatkannya, maka ia teringat akan pesan Laksamana : tiada diberinya bergerak, masing-masing pada tempatnya. [m/s 35]

→ Lalu dia hendak pergi mendapatkannya, kemudian dia teringat akan pesan Laksamana : mereka tidak dibenarkan bergerak, masing-masing perlu berada di tempatnya.

143. Maka kata penjurit itu, “Apa tipunya aku masuk ini, kerana senjata ini ada bertikam. [m/s 35]

→ Pencuri itu berkata, “Apatah helah untuk aku masuk kerana senjata ini sudah bertikam.

144. Jika aku masuk nescaya kalahlah aku oleh senjata ini?” [m/s 35]

→ Jikalau aku masuk pasti kalahkah aku oleh senjata ini?”

145. Maka penjurit itu pun kembali pula pergi pada tempat yang lain. [m/s 35]

→ Lalu pencuri itu pergi ke tempat lain pula.

146. Maka dicurinya lalu dibawanya pada tempat itu. [m/s 35]

→ Lalu pencuri itu pergi ke tempat lain pula.

147. Maka haripun sianglah. [m/s 35]

→ Seterusnya hari pun sianglah.



148. Maka Laksamana pun kembali. [m/s 35]

→ **Laksamana pun pulang.**



149. Maka kata Laksamana pada orang yang bertunggu itu, “Adakah tuan-tuan dengar bunyi kayu dan senjata itu, lain daripada bunyi sedia kala. [m/s 35]

→ **Lalu Laksamana berkata kepada orang yang berkawal itu, “Adakah tuan-tuan mendengar bunyi kayu dan senjata itu lain daripada bunyi yang sedia kala?”**

150. Maka sebut orang itu, “Adapun pada pendengaran sahaya, kayu itu memalu kayu lainlah. [m/s 35]

→ **Lalu dijawab oleh orang itu, “Sesungguhnya pada pendengaran saya, kayu itu memalu kayu lain.”**

151. Maka Laksamana pun melihat, sungguh. [m/s 35]

→ **Kemudian Laksamana melihat, betul.**

152. Maka Laksamana pun masuk menghadap. [m/s 35]



→ Lalu Laksamana masuk menghadap.

153. Maka titah raja, “Hai kekasihku, adakah bertemu dengan penjurit itu?” [m/s 35]

→ Lalu raja bertitah, “Wahai Laksamana, adakah berjumpa dengan pencuri itu?”

154. Maka sembah Laksamana, “Daulat tuanku, tiada patik bertemu. [m/s 36]

→ Kemudian sembah Laksamana, “Daulat tuanku, tidak patik temui.

155. Insya-Allah Taala, kelak malam patik cuba main penjurit itu, dengan berkat arwah guru patik. [m/s 36]

→ Insya-Allah, malam nanti patik cuba mencabar pencuri itu dengan berkat arwah guru patik.”

156. Maka raja pun diamlah. [m/s 36]

→ Kemudian raja pun diamlah.



157. Setelah hari malam, maka Kertala Sari pun memakai pakaian yang indah-indah dan memakai bau-bauan yang harum lalu masuk ke dalam kota, dalam hatinya, “Pada malam ini aku masuk membakar dan mengamuk, kerana harta orang Melaka itu pun habis aku curi.”
[m/s 36]

→ Pada waktu malam, lalu Kertala Sari memakai pakaian yang cantik-cantik dan wangi-wanigan yang harum lalu dia masuk ke dalam kota, dalam hatinya berkata, “Pada malam ini aku hendak membakar dan mengamuk kerana harta orang Melaka itu telah habis aku curi.”

158. Sebermula, maka Laksamana pun memakai pakaian penjurit.
[m/s 36]

→ Setelah itu, Laksamana memakai pakaian perajurit.

159. Maka Laksamana pun berjalanlah. [m/s 36]

→ **Lalu Laksamana berjalan.**



160. Pada malam itu, kelam-kabut dan hujan pun rintik-rintik. [m/s 36]

→ **Pada malam itu, suasana menjadi kelam-kabut dan hujan turun rintik-rintik.**

161. Maka Kertala Sari pun masuklah ke dalam kota. [m/s 36]

→ **Kemudian Kertala Sari berjalan masuk ke kota.**

162. Maka Laksamana pun tidur di tengah pasar itu. [m/s 36]

→ **Laksamana berbaring di tengah-tengah pasar itu.**

163. Maka didengar oleh Laksamana kaki Kertala Sari itu terlalu gemuruh bahannya. [m/s 36]

→ **Laksamana mendengar bunyi tapak kaki Kertala Sari yang sangat kuat.**

164. Maka Laksamana pun tahulah akan Kertala Sari datang itu.

[m/s 36]



→ Laksamana tahu bahawa yang datang itu ialah Kertala Sari..

165. Maka Kertala Sari pun berjalanlah ke tengah pasar itu. [m/s 36]

→ Kertala Sari berjalan ke tengah-tengah pasar itu.

166. Maka tertendang kakinya pada tubuh Laksamana. [m/s 36]

→ Kakinya telah tersepak tubuh Laksamana.

167. Maka Kertala Sari pun berdirilah atas kepala Laksamana itu,
“Teririk bangkai pula aku ini!”. [m/s 36]

→ Kertala Sari berdiri di bahagian kepala Laksamana itu, lalu dia berkata, “Terpijak mayat pula aku ini!”

168. Adapun Laksamana tidur itu kerisnya sudah terhunus, lalu ia bangkit melompat menikam dada Kertala Sari terus ke belakangnya. [m/s 36]

→ Laksamana tidur dengan kerisnya yang sudah terhunus, lalu dia bangun melompat dan menikam dada Kertala Sari hingga tertusuk terus ke belakangnya.

168. Adapun Laksamana tidur itu kerisnya sudah terhunus, lalu ia bangkit melompat menikam dada Kertala Sari terus ke belakangnya. [m/s 36]

→ Laksamana tidur dengan kerisnya yang sudah terhunus, lalu dia bangun melompat dan menikam dada Kertala Sari hingga tertusuk terus ke belakangnya.

169. Maka Laksamana pun berkata, “Ceh, mati engkau olehku!” [m/s 36]

→ Laksamana berkata, “Cis, matilah engkau oleh tikamanku!”



170. Setelah Kertala Sari merasai luka itu, maka dihunusnya kerisnya pula mengusir Laksamana. [m/s 36]

→ Setelah Kertala Sari merasai luka itu, lalu dia menghunus kerisnya pula untuk melawan Laksamana.



171. Dua tiga langkah maka ia pun rebah terjerumus lalu mati. [m/s 36]

→ Dua tiga Langkah sahaja, dia jatuh tersungkur lalu mati.

172. Maka oleh Laksamana dihirisnya syahwatnya diambilnya lalu ia kembali ke rumahnya. [m/s 36]

→ Laksamana telah menghiris kemaluan Kertala Sari dan membawanya pulang ke rumahnya.

173. Setelah hari hampir siang, maka orang pun lalu. [m/s 36]

→ Apabila hari telah siang, orang ramai telah melalui kawasan tersebut.

174. Maka dilihatnya seorang perlente mati : Maka segera dikeratnya telinga dibawa kepada raja, sembahnya, “Ya tuanku, inilah tandanya patik membunuh penjurit yang terlalu buas itu. [m/s 36]

→ Maka terlihat seorang penjahat telah mati : Lalu seseorang telah bertindak segera memotong telinga dan dibawanya kepada raja, sembahnya, “Ya tuanku, inilah buktinya yang patik telah membunuh penjahat yang terlalu zalim itu,”

175. Maka datang pula seorang lagi, dikerat kepala, lalu dibawa menghadap raja, katanya, “Inilah tandanya patik membunuh penjurit pada malam tadi.” [m/s 37]

→ Seterusnya, ada seorang lagi yang memenggal kepala dan dia menghadap raja dengan berkata, “Inilah bukti yang patik telah membunuh perompak itu semalam.



176. Dengan demikian habislah kaki tangan Kertala Sari dikeratnya dibawanya kepada raja. [m/s 37]

→ Oleh hal yang demikian, anggota badan Kertala Sari habis dipotong dan dibawa oleh mereka untuk menghadap raja.

177. Maka baginda pun menjadi hairan. [m/s 37]

→ Baginda berasa aneh dengan peristiwa yang berlaku.

178. Maka titah baginda kepada Bendahara, “Ayo mamak Bendahara, kita pun hairan kelakuan ini. Siapakah juga yang sungguh ini?”
[m/s 37]

→ Baginda bertitah kepada Bendahara, “Alahai Bendahara, beta pun pelik dengan kejadian ini. Siapakah yang sebenarnya ini?”



179. Maka sembah Bendahara, “Ya tuanku, pada bicara patik, dua pertandaan lagi maka sungguh : tambahan Laksamana belum datang.” [m/s 37]



→ Sembah Bendahara, “Ya tuanku, pada pendapat patik, dua bukti lagi, maka yang sebenarnya : lagipun Laksamana belum datang.”

180. Seketika lagi maka Laksamana pun datang membawa syahwat dan Keris Kertala Sari. [m/s 37]

→ Sebentar nanti, Laksamana akan datang membawa kemaluan dan Keris Kertala Sari.

181. Maka sembah Bendahara, “Inilah tuanku pertandaan yang sungguh. [m/s 37]

→ Bendahara menyembah, “Inilah bukti yang sebenarnya
| tuanku.

182. Pada bicara patik, jika lain daripada Laksamana, tiada akan dapat membunuh penjurit itu. Jangankan membunuh dia, menentang matanya pun tiada dapat.” [m/s 37]

→ Pada pendapat patik, tiada seorang pun yang mampu membunuh askar upahan itu melainkan Laksamana. Bukan setakat tidak dapat membunuh dia, bertentang mata juga mereka tidak mampu.



183. Maka segala mereka itu pun masing-masing tunduk kemalu-
maluan lalu kembali. [m/s 37]

→ Mereka tunduk malu lalu berlalu pergi.

184. Maka titah baginda, “Bagaimana tipu Laksamana maka dapat membunuh penjurit itu?” [m/s 37]

→ Baginda bertitah, “Bagaimanakah Laksamana melakukan tipu helah sehingga dapat membunuh perompak itu?”

185. Maka diceritakannya segala hal-ehwalnya. [m/s 37]

→ **Lalu diceritakan segala-galanya.**



186. Maka baginda pun hairan terlalu sukacita. [m/s 37]

→ **Baginda berasa kehairanan.**

187. Maka baginda pun memberi anugerah akan Laksamana. [m/s 37]

→ **Baginda telah memberi anugerah kepada Laksamana.**

188. Maka sembah Laksamana, “Ya tuanku, baiklah titahkan segala rakyat berangkat segala harta itu.” [m/s 37]

→ **Laksamana menyembah, “Ya tuanku, eloklah dititahkan semua rakyat mengambil segala harta itu,”**

189. Maka titah raja pada Tun Kasturi, “Pergilah Betara menghadapi orang mengangkut segala harta dan kerahkan segala orang mengangkut harta itu. [m/s 37]

→ Raja bertitah kepada Tun Kasturi, “Pergilah Betara kepada orang yang membawa harta itu dan mengarahkan agar semua harta itu diangkat.

190. Maka Betara pun menyembah lalu pergi dengan rakyat mengangkut segala harta itu ke Bukit Cina. [m/s 37]

→ Betara mengangkat sembah lalu pergi kepada rakyat yang membawa semua harta itu ke Bukit Cina.

191. Maka harta itu pun terlalu banyak. [m/s 37]

→ Harta itu terlalu banyak.



192. Maka segala harta itu ditimbunkan di halaman balairung itu, tujuh hari tujuh malam berangkut segala harta itu. [m/s 37]

→ Semua harta itu diletakkan di halaman balairung istana, semua harta itu diangkat selama tujuh hari tujuh malam.



193. Setelah sudah maka sembah Laksamana, “Baik juga Duli Yang Dipertuan menitahkan orang memalu mong-mongan suruh mari mengenal hartanya. [m/s 38]

→ Laksamana menyembah, “Sebaik-baiknya Duli Yang di-Pertuan menitahkan orang memukul gong kecil untuk memberitahu agar rakyat datang bagi mengenal pasti harta mereka.”

194. Maka baginda pun bertitah pada Temenggung menyuruh orang memalu mong-mongan. [m/s 38]

→ Baginda bertitah kepada Temenggung agar menyuruh orang memukul gong.

195. Maka dipalu oranglah berkeliling negeri. [m/s 38]

→ Gong dipukul sekeliling negeri.



196. Maka segala orang yang kehilangan itu pun semuanya berhimpun masuk ke dalam pergi mengenal segala harta seseorang pun tiada tinggal. [m/s 38]

→ Semua pemilik barang yang dicuri itu berkumpul untuk menuntut barang kepunyaan masing-masing.

197. Maka kata seorang, "Ini harta patik, tuanku." [m/s 38]

→ Kata seorang, "Harta ini kepunyaan patik, tuanku."

198. Maka seorang, "Ini pun ia harta patik, tuanku," [m/s 38]

→ Seorang lagi berkata, "Ini ialah harta patik, tuanku,"

199. Kata seorang, "Ini bantal patik, tuanku." [m/s 38]

→ Kata seorang lagi, "Bantal ini bantal patik, tuanku."

200. Setelah habislah dikenalnya segala yang empunya, maka titah raja, “Hai segala kamu sekalian, hendaklah segala harta ini dibahagi tiga, dua bahagi akan Laksamana, sebahagi akan orang yang empunya harta, kerana harta ini sudahlah hilang beroleh akan Laksamana,” [m/s 38]

→ Setelah semua barang dituntut oleh pemiliknya, sultan bertitah, “Wahai kamu sekalian, harta ini hendaklah dibahagi kepada tiga bahagian iaitu dua bahagian diserahkan kepada Laksamana, sebahagian lagi untuk pemilik harta tersebut kerana Laksamana yang telah menemui barang yang hilang itu.”

201. Maka sembah orang itu, “Daulat tuanku, mana titah patik junjung.” [m/s 38]

→ Orang itu menyembah, “Daulat tuanku, titah tuanku patik junjung.”



202. Maka sembah Laksamana, “Ya tuanku, jika demikian sahaja aniayalah duli yang maha mulia dan dukacitalah sekalian empunya harta. [m/s 38]

→ Sembah Laksamana, “Ya tuanku, jikalau demikian, maka sudah tentu pemilik harta akan bersedih dan tidak adil untuk mereka.

203. Yang sebahagi itu akan patik. [m/s 38]



→ Patik akan mengambil sebahagian sahaja.

204. Dalam pada itu pun, mana kasih hatinya hendak memberi akan patik.” [m/s 38]

→ Oleh hal yang demikian, sudah tentu mereka senang hati untuk diberikan kepada patik.”

205. Maka titah baginda, “Hai segala kamu, sukakah seperti kata Laksamana ini?” [m/s 38]

→ Baginda bertitah, “Wahai kamu semua, setujukah dengan cadangan Laksamana ini?”

206. Maka sembah mereka itu, “Sukalah patik sekalian memberikan Laksamana. Demi Allah dan Rasul-Nya, dengan tulus ikhlas hati patik sekalian.” [m/s 38]

→ Lalu mereka menyembah, “Patik sekalian bersetuju untuk memberikannya kepada Laksamana. Patik sekalian memberikannya dengan seikhlas hati demi Allah dan Rasul-Nya.

207. Masing-masing pun memberikan segala hartanya akan Laksamana. [m/s 38]

→ Masing-masing memberikan bahagian harta mereka kepada Laksamana.

208. Maka Laksamana pun membahagi tiga, diambil oleh Laksamana harta itu sebahagi. [m/s 38]

→ Seterusnya, Laksamana membahagikan harta itu kepada tiga bahagian dan mengambil satu bahagian daripada harta tersebut.



209. Maka yang sebahagi Laksamana ambil itu, dibahagi tiga pula : yang sebahagi itu didermakan kepada segala fakir miskin dan yang sebahagi lagi diberikan pada segala pegawai yang tiada penguasaan dan sebahagi lagi diberikan pada segala orangnya. [m/s 38]

→ Satu bahagian yang diambil dibahagikan kepada tiga bahagian : satu bahagian didermakan kepada fakir miskin, satu bahagian didermakan kepada pegawai yang tidak ada jawatan makanala satu bahagian lagi didermakan kepada pengikutnya.



210. Maka segala harta itu pun habislah. Suatupun tiada diambil oleh Laksamana. [m/s 39]

→ Semua harta yang diserahkan telah habis dibahagikan. Laksamana tidak mengambil apa-apa harta.

211. Maka baginda pun terlalu amat kurnia akan Laksamana : barang sesuatu bicara, jikalau tiada Laksamana, tiadalah putus. [m/s 39]

→ Baginda terlalu amat kurnia akan Laksamana : barang sesuatu bicara jika tiada Laksamana, maka tidaklah putus.



212. Maka negeri Malaka pun kararlah. [m/s 39]

→ Negeri Melaka pun dalam keadaan yang tenteram.

213. Beberapa lamanya, maka terdengar ke Majapahit kepada Patih Gajah Mada bahawa Kertala Sari sudah mati dibunuh oleh Laksamana. [m/s 39]

→ Beberapa lama kemudian, Patih Gajah Mada mendapat berita bahawa Kertala Sari telah mati dibunuh oleh Laksamana.

214. Maka Patih Gajah Mada pun mencari daya dan upaya hendak mengalahkan negeri Melaka dan membunuh Laksamana itu juga, sentiasa menyuruh ke gunung dan segenap bukit bertanyakan orang yang bercakap membunuh Laksamana dan Ratu Melaka. [m/s 39]

→ Lalu Patih Gajah Mada mencari peluang untuk mengalahkan negeri Melaka dan membunuh Laksamana, dengan menyuruh ke segenap tempat untuk mencari orang yang boleh membunuh Laksamana dan Ratu Melaka.



215. Demikianlah pekerjaannya. [m/s 39]

→ Demikianlah ceritanya.

TEKNIK MENJAWAB BAHASA STANDARD

KEKALKAN :

- 1. Susunan Ayat**
- 2. Bahasa Istana**
- 3. Kata Ganti Nama Diri**
- 4. Tanda Baca**
- 5. Bilangan Ayat**
- 6. Nama Watak**
- 7. Nama Tempat**
- 8. Pemerenggan**

GUGURKAN :

- 1. Partikel –lah dan -pun**
- 2. Maka**
- 3. Kata Pangkal Ayat**

TUKARKAN :

- 1. Kosa Kata Klasik**



CONTOH SOALAN

Baca petikan bahasa Melayu klasik di bawah dengan teliti. Kemudian tulis semula petikan tersebut dalam bahasa Melayu standard tanpa mengubah bentuk dan maksudnya.



Maka baginda pun hairan serta bertitah pada Temenggung, “Hai Temenggung, tiadakah menyuruhkan orangnya berkawal tadi?”

Maka sembah Temenggung, “Daulat tuanku Syah Alam, patik menyuruh orang berkawal semalam tadi. Seorang pun tidak bertemu. Patik hamba itu pun hairanlah akan penjurit itu.”

Maka titah baginda, “Apatah sebabnya maka dapat dicurinya oleh penjurit itu?”

[Dipetik daripada Prosa Tradisional
Kepimpinan Melalui Teladan
Dari Antologo Jaket Kulit Kijang.]

Kekalkan :

1. Baginda
2. Bertitah
3. Temenggung
4. Daulat tuanku Syah Alam
5. Patik
6. Pemerenggan
[3 perenggan]
7. Tanda baca [, / . / "..."]
8. Jumlah ayat [5 ayat]

Gugurkan :

1. maka
2. Pun

Tukarkan :

1. Tidakkah menyuruhkan
→ tidak disuruh
2. Tidak bertemu → tidak berjumpa
3. Penjurit → perompak
4. Apatah → bagaimanakah



JAWAPAN LENGKAP

Baginda berasa hairan lalu bertitah kepada Temenggung, “Wahai Temenggung, mengapakah tidak mengarahkan pengawal untuk berkawal pada malam tadi?”

Sembah Temenggung, “Daulat tuanku Syah Alam, patik menyuruh pengawal berkawal pada malam tadi. Tetapi tidak ada sesiapa pun bertemu dengan perompak itu. Patik berasa hairan dengan perompak itu.

Lalu baginda bertitah, “Bagaimanakah caranya perompak itu dapat mencurinya?”



Terima kasih / Thanks

谢谢

xièxiè

[siyek siyek]





Ikhlas daripada :

**Cikgu Khairiah Mohamed
SMJK Chung Hwa**



KBM

Sumber : Internet dan Buku Rujukan

